

# Nelayan tangkap jerung baham pelancong

HM 15/6/2023 M:29

**Kaherah:** Mayat pelancong Rusia yang dibaham ikan jerung di Mesir ditemukan selepas haiwan pemangsa itu ditangkap dan dibedah.

Metro UK melaporkan, Vladimir Popov, 23, menjerit 'papa, selamatkan saya' ketika dibaham haiwan itu di depan bapanya dan pengunjung pantai lain di luar pusat peranginan Laut Merah, Hurghada.

Jerung itu membaham bahagian atas badan mangsa ketika kejadian tetapi kemudiannya ketakutan apabila nelayan menaiki bot ke lokasi untuk cuba menyelamatkannya.

Menurut pihak berkuasa tempatan, nelayan itu menarik bahagian bawah badan mangsa keluar dari air dan mengejar jerung sehingga dapat menangkapnya.



**JERUNG** yang ditangkap nelayan di sebuah pusat peranginan di Laut Merah, Hurghada.

Kementerian Alam Sekitar Mesir mengarahkan pemeriksaan oleh ahli biologi marin tempatan yang

kemudian mengeluarkan seluruh mayat Popov.

Sementara itu, Ketua Persatuan Penyelamat Ma-

ritim Hurghada, Hassan Al-Tayeb berkata, kepala, lengan dan bahagian atas badan mangsa ditemukan di dalam badan jerung dan belum dihadam penuh.

"Haiwan itu jerung betina sepanjang empat meter, beratnya sekitar satu tan, dan mempunyai bukaan mulut 80 sentimeter (sm)," tambah Al-Tayeb.

Ditemu bual di TV Mesir, Dr Mahmoud Dar, seorang profesor di Institut Sains Marin Negara Mesir, menjelaskan ada tiga kes di mana jerung diketahui berenang berhampiran pantai.

"Pertama ialah apabila beberapa bot membuang haiwan mati ke dalam air, dan kes kedua apabila pemilik bot menyediakan makanan kepada jerung yang mengubah sifat pemakanan mereka," katanya.